

Mesir mahu belajar pengalaman Malaysia

Daripada Manja Ismail

BH

19 JUN 2000

KAHERAH, Ahad - Dewan Perindustrian dan Tenaga Mesir mahu mempelajari pengalaman Malaysia yang berjaya memulihkan semula ekonomi dalam masa singkat daripada kelembapan akibat kejatuhan mata wang.

Dalam dialog mereka dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertema 'Pengalaman Malaysia dalam Perindustrian' di 10th of Ramadan City, kira-kira 70 kilometer dari sini hari ini, ramai anggotanya bertanyakan Perdana Menteri bagaimana negara begitu cepat memulihkan ekonominya.

Malah, selepas Dr Mahathir berucap, beberapa usahawan Mesir tidak segan-silu bangun meminta

Perdana Menteri membantu Mesir memulihkan ekonominya yang turut terjejas sejak empat tahun lalu.

Majlis itu diadakan di Ibu Pejabat Oriental Group salah sebuah konglomerat terkemuka di sini dengan industri utamanya mengeluarkan permaidani untuk dieksport ke seluruh dunia.

Dialog yang dihadiri kira-kira 100 usahawan Mesir itu dipengerusikan oleh Pengerusi Oriental Group, Mohamed Farid Khamis. Hadir sama ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Luar Datuk Syed Hamid Albar dan Gabenor Bank Negara, Datuk

Dr Zeti Akhtar Aziz.

Ia diadakan sempena kehadiran Dr Mahathir di sini untuk menghadiri sidang puncak kesepuluh Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) selama dua hari mulai esok.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir menceritakan pengalaman Malaysia daripada sebuah negara bekas tanah jajahan yang menjadi pengekspor utama timah dan getah, bertukar menjadi negara industri.

Katanya, kerajaan memainkan peranan penting dalam proses perindustrian. Dasar Induk Perindustrian digubal sebagai panduan kepada keseluruhan proses itu.

Industri tertentu dijadikan sasaran dengan insen-

tif dan bantuan khas diberi, manakala tabung pinjaman dibentuk dengan bank diminta memberi bantuan dalam setiap fasa program itu.

"Bagi menjadikan sektor pengilangan di Malaysia lebih menarik, kerajaan mengecualikan cukai korporat atau cukai barangan yang dieksport selama 10 tahun.

"Halangan birokratik dikurangkan dan sebarang bentuk pembayaran secara haram dikenakan tindakan tegas," katanya.

Perdana Menteri berkata, kesan sikap mesra perniagaan kerajaan menyebabkan Malaysia mampu menarik banyak pelaburan sama ada dari dalam atau luar negara

dan secara tidak langsung, ia membantu proses perindustrian dan pertumbuhan dalam Keluaran Negara Kasar.

Bagaimana beliau mengingatkan, perindustrian bukanlah proses statik kerana teknologi dan barangan berubah dengan cepat. Sesetengah barangan hanya bertahan beberapa bulan dan dari semasa ke semasa, ada teknologi baru mengubah sesuatu industri itu dengan mendadak.

Beliau berkata, kemunculan teknologi maklumat (IT) mengubah keseluruhan produk dan kaedah pengeluaran. Keperluan terhadap pekerja mahir kini bertukar kepada pekerja berpengetahuan.

Dr Mahathir berkata, Malaysia memutuskan untuk menguasai IT kerana rakyat tidak mendapat gaji tinggi daripada industri lama, manakala kekurangan tenaga kerja menyebabkan negara terpaksa banyak bergantung kepada buruh asing.

"Seperti anda ketahui, kami baru pulih daripada kemelut ekonomi angkara kuasa asing. Kami kini sentiasa berwaspada. Pengalaman kami dalam perindustrian amat luas.

"Saya boleh berkata kami sudah mencapai matlamat dasar perindustrian itu. Tetapi saya tidak boleh kata sama ada serangan yang akan datang boleh memusnahkan kami atau tidak," katanya.